

Malay ab initio – Standard level – Paper 1
Malais ab initio – Niveau moyen – Épreuve 1
Malayo ab initio – Nivel medio – Prueba 1

Monday 8 May 2017 (afternoon)

Lundi 8 mai 2017 (après-midi)

Lunes 8 de mayo de 2017 (tarde)

1 h 30 m

Text booklet – Instructions to candidates

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

Livret de textes – Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

Cuaderno de textos – Instrucciones para los alumnos

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

2217–2823

6 pages/páginas

© International Baccalaureate Organization 2017

Blank page
Page vierge
Página en blanco

Teks A

CATATAN LAWATAN KE ALOR SETAR

20 Mei 2012

7.00 pagi

- ❶ Para pelajar dan guru-guru berjumpa di hadapan sekolah untuk menunggu ketibaan bas rombongan. Seramai 123 orang murid dan 10 orang guru akan menyertai lawatan ke Alor Setar. Kami akan menaiki tiga buah bas.

7.30 pagi

- ❷ Setelah mendengar taklimat daripada Cikgu Zainol Musa, kami beratur untuk menaiki bas. Dalam perjalanan ke Alor Setar, kami dapat melihat pemandangan sawah padi yang indah.

9.00 pagi

- ❸ Kami singgah di Gurun. Kami membeli makanan untuk sarapan pagi. Aku hanya membeli sebungkus nasi lemak dan jus untuk sarapan.

10.00 pagi

- ❹ Destinasi pertama yang kami lawati ialah Menara Alor Setar. Kami beratur untuk menaiki lif. Di atas menara, kami dapat melihat keseluruhan bandar Alor Setar. Walaupun seronok namun aku berasa sangat takut berada di tempat yang tinggi. Aku berpeluang untuk menggunakan teropong.

11.00 pagi

- ❺ Kami tiba di destinasi kedua iaitu Muzium Negeri Kedah. Di Muzium kami melihat pameran barang-barang antik. Aku kagum melihat bunga emas yang mempunyai kaitan dengan sejarah antara Negeri Kedah dengan kerajaan Siam.

12.00 tengah hari

- ❻ Kami kemudiannya melawat Galeri Sultan Kedah, kami dapat ilmu pengetahuan tentang susunan keluarga Kesultanan Negeri Kedah.

1.00 petang

- ❼ Kami singgah di Pusat Sains. Banyak eksperimen yang dapat kami jalankan. Eksperimen ini menguji minda kami. Aku sempat cuba berbasikal di atas tali. Aku berasa sangat gementar kerana ia terlalu tinggi. Tetapi aku tidak jatuh kerana basikal itu sudah diseimbangkan.

2.00 petang

- ❽ Kami tiba di kawasan sekolah. Walaupun rasa letih, kami gembira kerana mendapat banyak pengetahuan daripada lawatan ini. Mungkin satu hari nanti, aku akan melawat Alor Setar bersama-sama keluargaku pula.

Teks B**MI BANDUNG UDANG GALAH**

Jumlah menu
yang ditawarkan

- Restoran Bisik-Bistik tawar pelbagai hidangan popular dari Johor.**
- | | | |
|---|---|--|
| ① | Restoran Bisik-Bistik menjual makanan orang Johor. Ketiga-tiga orang pemilik restoran ini dilahirkan di sekitar negeri Johor. Selain menjual makanan Johor mereka menjual makanan barat. | RM33.90
Harga sepinggan mi udang gred A |
| ② | Makanan yang popular di restoran ini ialah mi bandung udang galah, mi rebus tulang gearbox, mi gulung udang galah, laksa Johor, asam pedas. Selain itu, restoran ini juga menjual makanan tradisional orang Jawa seperti nasi ambeng dan kacang pool yang dinikmati bersama roti yang tebal. | RM12.90
Harga sepinggan mi udang gred C |
| ③ | 10 Terdapat tiga gred hidangan udang galah bergantung kepada saiz udang. Hidangan A menawarkan udang galah berkualiti berat antara 300 gram hingga 800 gram. Semua bekalan udang galah adalah segar dan diperoleh daripada pembekal tetap dari Sabah. | RM5
Harga segelas air kathira |
| ④ | 15 Istimewanya hidangan di Restoran Bisik-Bistik ialah para pelanggan boleh menikmati mi yang disediakan khas di restoran ini yang dijamin tidak mengembang biarpun makanan itu sudah sejuk. Ain menerangkan rasa sedap juga datang daripada rasa manis udang galah dengan telur rebus, sayur sawi dan tauhu. | |
| ⑤ | 20 Bagi menghilangkan rasa dahaga, Restoran Bisik-Bistik juga menjual air kathira yang menggunakan bahan seperti sirap pandan, barli, cincau, selasih, kurma dan anggur. Minuman lain yang dijual ialah ABC, asam boi, dan kelapa laut. | |
| ⑥ | 25 Ketiga-tiga pengusaha Restoran Bisik-Bistik ini bersetuju nama yang diberikan adalah agak lucu tetapi mudah diingat dan disebut pelanggan. Mereka juga berharap pelanggan akan bisik tentang kesedapan makanan kepada orang lain dan membisikkan kepada mereka jika makanan tidak sedap dan perlu dibaiki. | |

Teks C

PEMBURU EMAS BORNEO

- 1** Sungai Belau, Berau di Kalimantan Timur terkenal di Malaysia bagi jumlah ikan yang banyak di dalam sungai. Ia juga terkenal dengan mineral berharga, terutamanya emas yang boleh diperoleh di bahagian bawah sungai.
- 2** Pencarian emas dijalankan oleh wanita suku Dayak dan Kenyah menggunakan kaedah tradisional. Emas sering dijumpai di bahagian bawah sungai, biasanya kira-kira lima meter ke bawah.
- 3** Wanita-wanita itu menggunakan kaedah tradisional untuk mencari rezeki. Mereka hanya mempunyai peralatan lama dan ketinggalan zaman untuk membantu mereka mencari emas tetapi mereka gembira kerana mampu mendapatkan wang tambahan untuk keluarga mereka.
- 4** Mereka mesti bekerja di sungai yang mengalir sederas 10 kilometer sejam. Selain tenaga tinggi yang diperlukan mereka juga perlu mempunyai keberanian untuk melakukan tugas ini.
- 5** Seorang penduduk tempatan yang hanya mahu dikenali sebagai Encik Medan, berkata, aktiviti perlombongan emas di kawasan itu bermula sejak 30 tahun yang lalu dan ia membantu ekonomi penduduk tempatan.
- 6** Beliau berkata, hampir semua penduduk di kawasan itu memperoleh rezeki dengan mencari emas di dalam sungai. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan penyelam ialah wanita dan ada juga wanita yang sudah berusia.
- 7** “Biasanya, mereka menyelam pada kedalaman antara 2-5 meter dan mesti berenang melawan jeram (arus kuat) di Sungai Belau,” kata Encik Medan. “Tali diletakkan menyeberangi sungai untuk menghentikan bot dan emas daripada dihanyutkan oleh arus sungai.”
- 8** Orang lelaki pergi ke dalam **[- X -]** untuk mencari makanan untuk keluarga mereka. Encik Medan menjelaskan bahawa berbanding orang lelaki, orang **[- 23 -]** lebih kuat. Mereka keluar menaiki **[- 24 -]** di sungai yang deras dan mampu menahan air **[- 25 -]** ketika menyelam. Menurut beliau, purata dalam sehari kira-kira **[- 26 -]** gram emas boleh dikumpul. Ini bergantung kepada **[- 27 -]** dan kepakaran seorang penyelam.
- 9** Ada kalanya setiap keluarga mengumpul lebih daripada dua gram sehari. Kepingan terbesar emas yang pernah diperoleh adalah kira-kira saiz sebijji popcorn. Emas dijual kepada peniaga-peniaga di bandar Berau, dan kemudian dibuat dalam pelbagai bentuk barang kemas.

Disesuaikan daripada *iSHAT* (2016)

Teks D

BELIA KETAGIH INTERNET

Kajian Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapati responden berisiko alami keresahan serta kemurungan

- ❶ Lebih daripada 60 peratus daripada belia yang berumur 18 hingga 25 tahun menghabiskan lebih dari lima jam sehari di internet. Mereka terutamanya melayari untuk bahan hiburan. Ketagihan ini menyebabkan mereka mengalami kemurungan dan masalah kesihatan kerana kekurangan tidur.
- ❷ 5 Ketua Jabatan Teknologi Multimedia, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi UUM, Dr. Mohd Sobhi Ishak, berkata kebanyakan responden mempunyai risiko gejala kebimbangan disebabkan ketagihan kepada laman rangkaian sosial (SNS). Beliau berkata, masalah itu diburukkan lagi dengan kemajuan teknologi telefon pintar dengan pelbagai aplikasi baharu termasuk permainan siber. Ketagihan ini boleh mengakibatkan individu berkenaan mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan perasaan, keresahan dan kemurungan.
- ❸ 10 "Lebih banyak ketagih SNS, kesihatan mental seseorang lebih terjejas. Sebagai contoh, jika seseorang tidak boleh menggunakan SNS untuk tempoh tertentu, mereka akan merasa bimbang kerana mereka takut ketinggalan. 15 Ini adalah tanda-tanda masalah kesihatan mental," kata Mohd Sobhi.
- ❹ 20 Sesetengah belia mengalami kemurungan kerana rakan-rakan mereka tidak bertindak balas kepada mereka di media sosial. Oleh itu, mereka hilang keyakinan diri dan merasa marah kepada orang di sekeliling mereka.
- ❺ 25 Oleh sebab keadaan ini beberapa orang belia juga mengelakkan diri daripada interaksi sosial secara bersemuka. Mereka mengalami tabiat makan yang tidak sihat, gangguan tidur dan kurangnya aktiviti fizikal. Mereka tidak boleh menumpukan perhatian kepada pelajaran atau pekerjaan.
- ❻ 30 "Pendek kata, jika kita terlalu bergantung kepada internet, kita tidak boleh mengelakkan kesan-kesan negatif seperti buli atau kempen membenci. Kita boleh menjadi mangsa penipuan dan pengintipan atas talian," kata Mohd Sobhi.
- ❼ 35 "Anak-anak muda secara amnya tidak suka dikritik, kita mesti mendekati masalah ini dengan teliti. Adalah menjadi tanggungjawab individu untuk mengurangkan ketagihan ini," katanya.

